

14 SEP, 2019

## Premis hiburan kantoi curi elektrik



Harian Metro (Sabah and Sarawak), Malaysia

Page 1 of 2



### Labuan

## Premis hiburan kantoi curi elektrik

Dua buah pusat hiburan di sini diserbu Khamis malam kerana disyaki mencuri bekalan elektrik.

Premis itu didakwa mengusik meter bekalan elektrik mengakibatkan bacaan meter tidak tepat.

Serbuhan diketuai Timbalan Pengarah Suruhanjaya Tenaga (Perancangan dan Penyelarasan Penguatkuasaan) Ir Shafei Mohamed yang diadakan bersama-sama dengan Sabah Electricity Sdn Bhd.

Siasatan lanjut terhadap kedua-dua premis itu masih dijalankan mengikut Seksyen 37 (1) dan 37 (3) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang memperuntukkan hukuman denda RM1 juta atau penjara lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.

Kesalahan kedua pula membawa hukuman denda RM5 juta atau penjara 10 tahun atau

kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Shafei mengingatkan orang ramai tidak mengusik meter elektrik atau melakukan pengubahsuaian haram atau pintasan meter.

“Amalan ini bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi turut mengundang risiko kepada pengguna,” katanya pada sidang akhbar di bangunan SESB di sini, semalam.

Shafei berkata, sejumlah 1,389 premis di semua bandar besar di Sabah dan Labuan diperiksa setakat ini bagi tahun ini.

Daripada jumlah itu, 369 kes direkodkan menanggung kerugian berjumlah RM2, 560, 992.23.

Suruhanjaya Tenaga merekodkan hampir RM1.3 juta kerugian akibat kecurian tenaga elektrik dari 2017 hingga 12 Sept 2019 di Labuan dan RM6.4 juta di Sabah.



14 SEP, 2019

## Premis hiburan kantoi curi elektrik

Harian Metro (Sabah and Sarawak), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Labuan

Dua buah pusat hiburan di sini diserbu Khamis malam kerana disyaki mencuri bekalan elektrik. Premis itu didakwa mengusik meter bekalan elektrik mengakibatkan bacaan meter tidak tepat. Serbuan diketuai Timbalan Pengarah Suruhanjaya Tenaga (Perancangan dan Penyalaran Penguatkuasaan) Ir Shafei Mohamed yang diadakan bersama-sama dengan Sabah Electricity Sdn Bhd.